

**FAKTOR-FAKTOR KEGAGALAN PROGRAM PENINGKATAN EKONOMI  
KAMPUNG (PPEK) DALAM MENINGKATKAN MENINGKATAN  
PENDAPATAN GOLONGAN TERMISKIN LUAR BANDAR**

**KAJIAN KES: PROJEK TERNAKAN AYAM DAGING BERKELOMPOK,  
DAERAH MUAR, JOHOR.**

**ZAINAB BINTI MOHAMED SALLEH**

**Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**8HB OKTOBER 2001**

## **ABSTRAK**

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan dalam membasmikan kemiskinan negara. Sejak Rancangan Malaysia Ketujuh, matlamat pembasmian kemiskinan telah ditumpukan kepada golongan termiskin melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Pelbagai projek telah dilaksanakan dalam PPRT termasuk Perogram Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK) yang bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan golongan termiskin secara berterusan melalui aktiviti ekonomi yang berdaya maju. Namun begitu, sejak dilaksanakan pada tahun 1989, kebanyakkan projek yang dilaksanakan di beberapa negeri melalui PPEK gagal dalam mencapai objektifnya apabila hampir 80% daripada peserta tidak mampu menikmati faedah daripada projek yang berlangsung. Kajian terhadap 41 orang peserta projek di Daerah Muar menunjukkan wujudnya beberapa halangan yang menyumbang kepada kegagalan PPEK di kawasan kajian. Cadangan-cadangan ke arah memperbaiki prestasi projek melalui kajian ini diharap dapat membantu agensi pelaksana dan pihak kerajaan dalam memperbaiki kelemahan-kelemahan yang timbul dan seterusnya mencapai matlamat sebenar PPEK di dalam meningkatkan pendapatan golongan termiskin dan seterusnya membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan.

## **ABSTRACT**

As a way to eradicate poverty in the country, the government introduced in the 'Program Pembangunan Rakyat Termiskin' (PPRT) in 1989. There are many projects in the PPRT to help hard-core poor to break free from poverty. One of the projects is the 'Program Peningkatan Ekonomi Kampung' (PPEK). It was introduced to help increase the income of the poor through continuous and active involvement in the economy. However, since it was introduced in 1989, there have been problems and issues that have plagued the project from increasing the income of the poor. From studies and reviews done in Melaka, Negeri Sembilan dan Johore, it found that 80% of participants involved in the PPEK did not receive any benefits from the project. Based on reviews and studies to 41 participants in the study area (Daerah Muar), researcher found that the project has many constraints to achieve its goals and finally cause of the failure of the project. By the factors of failure defined, a few of suggestions will be presented to help a government to improve the project performance and be launched by the participant's, so that the project in the research area will be successful in the future.